



Headline: Anggota wanita TUDM rugi RM7,300 ditipu Language: Malay
sindiket Macau Scam

Publication/Portal: Kosmo

Section: Negara

Date: 4 December 2018

Page: 2

Anggota wanita TUDM rugi RM7,300 ditipu sindiket Macau Scam

KUANTAN - Seorang anggota wanita Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) di sini mengalami kerugian RM7,300 selepas diperdaya seorang lelaki menerusi panggilan Macau Scam yang mendakwa kononnya mangsa sedang disiasat kerana terlibat kes pengubahan wang haram.

Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Komersial Pahang, Superintendan Mohd. Wazir Mohd. Yusof (**gambar**) berkata, kejadian berlaku apabila mangsa berusia 34 tahun itu dihubungi seorang lelaki yang menyamar sebagai kakitangan Mahkamah Majistret Melaka pukul 8.30 pagi pada Khamis lalu.



"Ketika dihubungi, suspek memperkenalkan diri sebagai pegawai mahkamah dan menyatakan mangsa terlibat dalam kes tunggakan kad kredit dan pengubahan wang haram sebelum talian disambungkan kepada beberapa pihak.

"Akibat rasa takut, pengadu mengikut arahan suspek supaya membuat pemindahan wang sebanyak RM7,300 ke dalam akaun individu tidak dikenali," katanya dalam satu kenyataan semalam.

Mohd. Wazir memberitahu, suspek kemudiannya memaklumkan kepada mangsa yang wang tersebut telah dialihkan ke tempat selamat dan akan dipulangkan semula dalam tempoh 24 jam.

"Bagaimanapun, selepas tempoh itu, pengadu belum menerima kembali wang tersebut dan berasa tertipu sebelum membuat laporan polis berhubung kes berkenaan," ujarnya.

Kes itu kini disiasat mengikut Seksyen 420 Kanun Keseksaan yang memperuntukkan hukuman penjara maksimum 10 tahun dan sebatan serta boleh didenda jika sabit kesalahan.